



Perkara IV  
**HUBUNGAN INDUSTRI**

## HUBUNGAN INDUSTRI

### HUBUNGAN INDUSTRI

#### a. Pendedahan Industri (IndEx)

Program IndEx merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan industri kepada pelajar tahun 1 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi. Pusat Kerjasama Industri telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini akan dijadikan penanda aras dalam menentukan sama ada pelajar layak untuk mengambil mengikut program IndEnt pada tahun 2 kelak.

Objektif program ini ialah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang bentuk pekerjaan yang bakal diceburi, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang industri, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan.

#### Maklumat Program

##### **Peringkat Ijazah**

Tarikh : 03-04/03/2012 & 10-11/03/2012

Jumlah Peserta Ijazah : 3978 pelajar

##### **Peringkat Diploma**

Tarikh : 03-04/03/2012

Jumlah Peserta Diploma: 586 pelajar Pada tahun ini, program IndEx telah berlangsung di Dewan Capitol dan Dewan Serbaguna Kg Wai Program ini dijalankan mengikut pembahagian kumpulan untuk memberi impak dan kesan yang lebih mendalam kepada pelajar.

#### b. Kursus Keusahawanan Teknologi

Program IndEnt merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan keusahawanan kepada pelajar Tahun 2 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi.

Pusat Kerjasama Industri telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini juga disertai oleh pakar-pakar keusahawanan, Teknopreneur-teknopreneur yang berjaya dan penasihat-penasihat perbiayaan dan logistik bagi mempertingkatkan keberkesanan program ini.

Objektif program ini ialah memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar UniMAP mengenai panduan memajukan diri sebagai usahawan di dalam bidang industri teknologi yang berasaskan kejuruteraan, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang keusahawanan, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera yang profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri, mendedahkan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan dan mempertingkatkan kefahaman pelajar dalam mendalami kursus Keusahawanan.

#### **Maklumat Program**

Tarikh: 17-18/03/2012 (Pelajar Tahun 3) &  
31/03 -01/04/2012 (Pelajar Tahun 2)

Tempat: Dewan Capitol, Kangar

Jumlah Peserta : 2656 pelajar

Program IndEnt 2012 telah berlangsung di Dewan Capitol yang melibatkan semua pelajar tahun 3 dan 2 untuk setiap pusat pengajian. Pusat Kerjasama Industri telah menjemput konsultan dari Shenviro Hall Sdn. Bhd. yang berpengalaman luas dalam bidang pembangunan modal ihsan dan keusahawanan.





### C. Program Latihan Industri (InTra)

Latihan Industri (InTra) di Universiti Malaysia Perlis adalah merupakan salah satu kursus yang wajib diduduki oleh semua pelajar Tahun 3 UniMAP yang mana ia adalah untuk memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia.

Pada tahun 2012 terdapat beberapa perubahan yang telah dilakukan oleh UniMAP untuk memenuhi syarat yang telah dikenakan. Antara perubahan tersebut adalah dari segi masa perlaksanaan iaitu pada cuti semester selama 12 minggu dan sistem penilaian adalah lulus/gagal, tetapi untuk kod kursus masih mengekalkan EIT300. Perubahan ini adalah hanya untuk program ijazah saja, manakala program diploma masih mengekalkan struktur asal yang mana tempoh pelajar

ditempatkan di industri adalah selama 4 bulan dengan kod kursus DIT316.

#### d. Program 'Finishing School'

Program ini merupakan satu program hasil kerjasama di antara Unit Penyelaras Program Diploma dengan Pusat Kerjasama Industri. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah berbentuk kombinasi taklimat, pembentangan dan latihan secara berkumpulan.

Objektif:

- » Membantu pelajar untuk memahami konsep asas dan membuat persediaan dalam menghadiri sesi temuduga.
- » Membuka minda dan keyakinan pelajar dari alam siswa ke alam pekerjaan yang bakal diceburi.
- » Membantu UniMAP di dalam melahirkan siswazah yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri.
- » Berusaha ke arah melahirkan graduan berfokuskan pembangunan insan yang seimbang dan cemerlang bagi memenuhi misi dan visi UniMAP.
- » Berkongsi maklumat dan pengalaman sesama pelajar ketika menghadiri Program Latihan Industri.
- » Meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar.

#### Maklumat Program

Tarikh Program : 02-05/04/2012

Jumlah Pelajar : 242 pelajar

Program 'Finishing Shcool' peringkat Diploma ini telah berlangsung di Dewan Serbaguna Kg.Wai yang melibatkan pelajar diploma tahun akhir . Pada tahun ini pihak Pusat Kerjasama Industri menjemput Syarikat Sri Jentayu Sdn Bhd yang berpengalaman luas dalam teknologi hijau.



## HUBUNGAN INDUSTRI



	<i>Initiative 1 (Industrial Exposure Program)</i>	<i>Initiative 2 (Degree ++ dan Soft skill Program)</i>	<i>Initiative 3 (Industrial Attachment Program)</i>
Walk-in interview	Career Talk	Finishing School (Diploma)	Job Camp UniMAP Industry 2012
		Finishing School (Degree)	QA/QC Engineer Development Program
		Program IndEx	Program IndEnt
Career Fair (Mega EdGE 2012)		ASET / CGAP bersama My Partners Sdn Bhd	Dream EdGE Sdn Bhd (Engineering Design)
		Program Western Digital	

Berikut adalah senarai nama syarikat yang terlibat dalam **Career Talk & Walk in interview** bersama Industri untuk tahun 2012:

- a) Continental Tyre Sdn. Bhd.
- b) X-Fab Sarawak Sdn. Bhd.
- c) Rohm Wako Electronic Sdn. Bhd.
- d) Sony (M) Sdn. Bhd.
- e) Kobe Precision Technologies Sdn. Bhd.
- f) Southern Steel Sdn. Bhd.
- g) B Braun Medical Industries Sdn. Bhd.
- h) Fuji Electric (M) Sdn. Bhd.
- i) Worldbay Solution Sdn. Bhd.
- j) Philips Limuleds
- k) Malaysia Automotive Institute (MAI)
- l) Saudi K-Kem

## KEBOLEHPASARAN GRADUAN DAN KERJAYA

Pada tahun 2011, UniMAP telah menghasilkan seramai 953 graduan dari peringkat ijazah dan 222 pelajar dari peringkat diploma. Pengiraan peratus kebolehpasaran siswazah pada tahun 2011 juga adalah berbeza berbanding pada tahun 2010 iaitu mengambil kira pencapaian bagi peringkat diploma dan ijazah. Hal ini kerana pada tahun 2010, data kebolehpasaran hanya diukur di peringkat ijazah sahaja. Namun demikian, strategik objektif, indikator dan glosari **CAP Graduate Employability** adalah masih sama dan tidak berlaku perubahan di peringkat UniMAP ataupun pusat.

Pada tahun 2012, antara inisiatif **CAP Graduate Employability** untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan UniMAP adalah:



Program **Soft skill & Degree ++** pula dirancang adalah bagi memberi nilai tambah kepada bakal graduan UniMAP bagi menempuh alam kerjaya. Berikut adalah senarai program **Soft skill & Degree ++** yang dilaksanakan di UniMAP sepanjang tahun 2012:-


- » Program ASET bersama My Partners Sdn. Bhd.
- » Program GCAP bersama My Partners Sdn. Bhd.
- » Program Data Storage Manufacturing Process bersama Western Digital
- » Program Solidwork & Catia bersama Dream EdGE Sdn. Bhd.
- » Program Test Development bersama Dream Cathers Sdn. Bhd.
- » Program Pentaualihan Profesional (3P) 2012 Peringkat Diploma
- » Program Pentaualihan Profesional (3P) 2012 Peringkat Ijazah & Staf

Program *attachment* bersama Industri atau **Job Camp UniMAP-Industry** merupakan program yang memberi impak yang tinggi bagi kebolehpasaran siswazah UniMAP iaitu sekitar 10%- 20%. Pada tahun ini seramai lebih 150 graduan UniMAP telah mengikuti program ini. Berikut adalah senarai industri yang terlibat bagi tahun 2012 :-

- » Job Camp UniMAP-Kobe Precision Technology Sdn. Bhd.
- » Job Camp UniMAP-B Braun Medical Industri
- » Job Camp UniMAP- Philips Limuleds
- » Job Camp UniMAP-Sri Jentayu (Green Composite)
- » Job Camp UniMAP-Sri Jentayu (Automotive)
- » Job Camp UniMAP-Worldbay Solution Sdn. Bhd.
- » Program Animasi dan Digital Printing bersama NATC
- » UniMAP Holdings

Selain daripada itu, Pusat Kerjasama Industri, turut membuka program-program yang telah disediakan oleh badan-badan atau industri-industri yang dipilih oleh pihak kementerian. Berikut adalah antara program *attachment* industri luar yang ditawarkan kepada graduan-graduan UniMAP sepanjang tahun 2012.

- » PSDC Program
- » GEMS Program bersama Khazanah & Talent Corp



*Program Industrial Attachment bagi GEMS Program*

Pada tahun 2012 Pusat Kerjasama Industri juga telah berjaya melaksanakan Karnival Kerjaya UniMAP 2012. Berikut adalah senarai industri yang menyertai **Career Fair UniMAP (Mega EdGE 2012)** untuk tahun 2012 :

- » Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perlis
- » Myreka Technologies Sdn. Bhd.
- » Micro Modular System Sdn. Bhd.
- » Vitrox Technologies Sdn. Bhd.
- » On semiconductor (M) Sdn. Bhd.
- » Renesas Semiconductor Sdn. Bhd.
- » SME Bank Malaysia
- » Agensi Pengurusan Maritim Malaysia (APMM)



## HUBUNGAN INDUSTRI



- » Tekun Nasional
- » Venture Electronics Services (Malaysia) Sdn. Bhd.
- » Great Eastern Life Assurance (Kedah)
- » Great Eastern Life Insurance/Takaful (Penang)
- » Penang Skills Development Centre (PSDC)
- » Multilink Industries Sdn. Bhd.
- » SMT Technologies Sdn. Bhd.
- » Agro Bank



Seramai kira-kira 1150 orang pelajar UniMAP telah menghadirkan diri sepanjang program EdGE 2012 yang berlangsung pada 18 April 2012. Selain daripada itu, EdGE pada tahun 2012 turut mengundang 3 buah sekolah di sekitar Perlis dalam usaha menarik minat para pelajar dan sekaligus berkongsi maklumat, pengetahuan tentang kerjaya, dan aktiviti aktiviti UniMAP.

Selain itu, **Seminar Kerjaya dalam Industri Sukan** mampu menjadi satu titik tolak dalam mempromosikan bakal graduan kejuruteraan dan perniagaan untuk melibatkan diri di dalam bidang kerjaya industri sukan negara. Ini kerana industri sukan bukan hanya tertumpu kepada pencapaian atlet sahaja, tetapi mempunyai potensi yang lebih besar dalam meningkatkan pendapatan negara. Menjelang tahun 2020, Kementerian Belia dan Sukan menyasarkan pembangunan sukan akan dipacu sepenuhnya oleh pihak swasta, dimana sukan tidak lagi bergantung kepada bantuan kewangan kerajaan. Dalam hal ini kerajaan berpandangan industri sukan memerlukan sumber manusia yang dinamik dalam pelbagai bidang. Oleh yang demikian Kementerian Belia dan Sukan dan Pusat Kerjasama Industri telah menganjurkan **Seminar Kerjaya dalam Industri Sukan** dan telah dihadiri oleh 300 peserta yang terdiri daripada pelajar UniMAP dan kakitangan UniMAP yang berminat.





## PERKHIDMATAN PERUNDINGAN

### a. Agilent - UniMAP Development Program for Associate Product Test Engineer (AUDP)

Program ini adalah sebuah program yang akan melibatkan Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. sebagai pihak yang menyedia peserta (juruteknik) dan UniMAP sebagai sumber kepakaran akademik serta Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd. sebagai penyedia prasarana untuk seperti bilik kuliah dan bilik makmal. Kualiti pengajaran/pembelajaran serta kurikulum dan silibus adalah setanding dengan apa yang dilaksanakan di UniMAP. Peserta program yang telah mengikuti dengan jayanya setiap modul (subject) akan diberikan sijil *Certificate of Completion*. Program AUDP ini telah memasuki program ke lima iaitu AUDP V.

Program kerjasama ini adalah bertujuan melatih juruteknik-juruteknik Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang-bidang berkaitan berdasarkan kurikulum UniMAP. Di samping itu, ia juga bertujuan meningkatkan kualiti dan pengiktirafan terhadap UniMAP oleh pihak industri dan antarabangsa. Program ini seterusnya akan dikembangkan untuk meliputi seberapa banyak syarikat elektronik multinasional di sekitar Pulau Pinang mengikut keupayaan.

### b. SNUCoE (Silterra - NCIA - UniMAP Centre of Excellence)

SNUCOE adalah gabungan daripada Silterra, NCIA dan UniMAP. Matlamat program SNUCOE (Silterra NCIA UniMAP- Centre of Excellence) ini bukan setakat memberi latihan kepada 25 pelatih siswazah di dalam bidang *Wafer Fabrication* dari aspek *Quick Win Solution*, tetapi ia juga melibatkan penyelesaian jangka panjang di dalam usaha untuk membina atas pengetahuan dan juga infrastruktur bagi *capacity building* di UniMAP seperti pembangunan makmal bertaraf industri bagi teknologi MEMS. Menerusi Silterra, NCIA telah bersetuju untuk membiayai kerjasama ini melalui geran diberi nama SNUCOE sebanyak RM3.80 juta, di mana geran sebanyak RM2.17 juta diberikan kepada UniMAP sebagai geran pembangunan teknologi MEMS dan selebihnya untuk pembangunan kumpulan jurutera pakar berkaitan. Melalui program ini, Silterra dapat menerajui kerjasama pintar ini manakala UniMAP pula berpeluang memperhebatkan lagi kurikulumnya secara berterusan agar sentiasa relevan dengan kehendak industri.

### c. Projek NCIA-Silicon (N-SILICON)

Projek NCIA-Silicon (N-SILICON) merupakan geran penyelidikan lanjutan daripada SNUCOE yang melibatkan geran tambahan bagi permohonan kedua telah diluluskan sebanyak RM2.90 juta. Geran kedua ini akan



## HUBUNGAN INDUSTRI

meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan modal insan berkaitan MEMS dan pemprosesan Wafer serta sistem elektronik bersepadu.

Gabungan kedua-dua program SNUCOE dan N-SILICON membolehkan penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri bernama Advanced Multidisciplinary MEMS Based Integrated Electronics NCER Centre of Excellence (AMBIENCE). Program AMBIENCE ini adalah pembangunan makmal bertaraf industri yang bernilai sejumlah RM5.07 juta. Hasil daripada ketiga-tiga unsur tersebut membolehkan penyelidikan dan penghasilan produk yang lebih berkualiti sekaligus menjadikan UniMAP gah di persada antarabangsa. Menerusi makmal AMBIENCE ini juga, teknologi terkini bertaraf industri dalam bidang mikrofabrikasi dan MEMS dapat diterokai dan dikembangkan. Ini sekaligus menjadikan UniMAP pendahulu dalam bidang tersebut di Malaysia.

Terdapat beberapa peralatan AMBIENCE iaitu:

1. RapidX 250
2. Primaxx Uetch System
3. Coventorware Designer + Analyzer Turbo with MEMS Extended Analysis
4. Intellisuite Base Package

### d. Industrial Centre Of Excellence (ICoE) Infineon Technologies (Kulim) Malaysia

MoHE-Infineon Campus Connect (MICC) merupakan salah satu usaha yang dicadangkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), untuk meningkatkan kerjasama antara Infineon Technologies (Kulim) Malaysia (IFKM) dan ahli akademik serta untuk membangunkan modal insan dan kepakaran. UniMAP juga, sebagai *Anchor University Front End* ICOE ini diberi kepercayaan bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan operasi, mengenalpasti mengenai jenis kerjasama, perkongsian penyelidikan, sumber kepakaran dan pembangunan modal insan dengan Infineon Kulim.

Kerjasama di antara UniMAP dan Infineon sudah terjalin sebelum ini melalui banyak aktiviti yang telah diadakan. Antara aktiviti yang telah terjalin adalah Program Latihan Industri, Program Embedded Dream, Panel Penasihat Industri (IAP), Pensyarah Industri, Tajaan Anugerah Pelajar Terbaik, Job Camp, Karnival Kerjaya dan Pascasiswa.

